

11/08/1998

Muhyiddin minta atlit, pegawai pandang serius

Lukman Salleh

ATLIT dan pegawai harus memandang serius teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta meletakkan kepentingan negara mengatasi segala-galanya.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata teguran Perdana Menteri itu tepat pada waktunya ketika negara mempersiapkan diri untuk Sukan Komanwel XVI.

"Semua atlit dan pegawai harus memandang serius teguran Perdana Menteri itu serta menghormati saranan yang diberikan supaya tidak menimbulkan perbalahan."

"Ia tepat pada masanya. Semua pihak, baik atlit mahupun pegawai mesti meletakkan kepentingan negara mengatasi kepentingan peribadi," kata Muhyiddin mengulas kenyataan Perdana Menteri di Langkawi kelmarin.

Dr Mahathir berkata, dia tidak mahu campur tangan dalam krisis yang melanda skuad badminton negara dalam pemilihan pemain ke Sukan Komanwel.

Perdana Menteri sebaliknya menegur sikap pegawai dan pemain badminton negara yang disifatkannya sebagai lebih mengutamakan pendirian masing-masing daripada kepentingan negara.

"Pemain dan pegawai macam tak pandang berat masalah kepentingan negara, tapi lebih mengutamakan diri masing-masing," kata Dr Mahathir mengulas krisis yang melanda skuad badminton negara.

Krisis itu membabitkan penyertaan pemain profesional Nusa Mahsuri, Roslin Hashim dalam skuad negara berikutan kegagalannya menghadiri latihan pusat.

Berikutan itu, Persatuan Badminton Malaysia (BAM) berpendirian enggan menyenaraikannya atas faktor tidak menghadiri latihan pusat manakala Roslin pula bertegas mahukan Misbun Sidek sebagai jurulatihnya.

Selaian perbalahan dalam skuad badminton antara BAM dan Nusa Mahsuri, pertikaian juga wujud dalam pemilihan atlit untuk sukan gimnastik berirama.

"Hasrat Perdana Menteri ialah untuk melihat supaya tidak timbul perbalahan dan ia harus dipandang berat semua pihak."

"Kita harus pastikan perbalahan ini tidak wujud serta memberi tumpuan untuk memberikan prestasi terbaik pada Sukan Komanwel," kata Muhyiddin selepas majlis pelancaran penajaan Sony 'Anugerah Malaysia Boleh' di Petaling Jaya, semalam.

Mengenai isu pemilihan gimnastik serta dakwaan Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF) bahawa Pesuruhjaya Sukan, Datuk Ahmad Bakri Shabdin cuba mempengaruhi pemilihan atlit, Muhyiddin berkata dia tidak mendapat maklumat itu.

"Keputusan masih lagi pada jawatankuasa pemilihan MOM (Majlis Olimpik Malaysia) dan mereka akan buat keputusan muktamad esok."

"Kita harus tanya apakah maksud campur tangan itu. Ada ibu bapa datang berjumpa kita dan kita beri nasihat. Adakah itu bermakna campur tangan," kata Muhyiddin.

(END)